

01 NOV 2002

SSM-Terima

BELUM ADA LAPORAN KAKITANGAN KERAJAAN TOLAK SSM - SAMSUDIN

PUTRAJAYA, 1 Nov (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman hari ini berkata sehingga semalam, kerajaan tidak menerima sebarang laporan mengatakan terdapat kakitangan awam menolak Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB).

Beliau berkata kakitangan kerajaan telah diberikan tempoh dari 1 Okt hingga 31 Okt (semalam) untuk membuat keputusan sama ada menerima SSM atau kekal di bawah SSB.

"Saya belum semak lagi jabatan-jabatan tetapi saya tak dapat lagi laporan ada yang menolak. Setakat ini semua nampaknya telah membuat pemilihan untuk terima SSM," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-87 di Pejabat Perdana Menteri di sini.

SSM berkuatkuasa mulai hari ini dengan menawarkan penambahbaikan dalam faedah saraan bagi hampir sejuta kakitangan kerajaan. Pelaksanaan SSM adalah sebagai opsyen kepada SSB yang diperkenalkan kerajaan pada 1992, menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK I dan JKK II) yang dilaksanakan sejak 1976.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Julai lalu mengumumkan pelaksanaan SSM berkuatkuasa 1 Nov setelah mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Antara yang diperkenalkan di bawah SSM ialah jadual gaji semua kakitangan awam akan melibatkan tambahan satu mata gaji kepada mata gaji maksimum. Ini bermakna jadual gaji akan berubah dari mata gaji 1-26 sekarang kepada 1-27 sekaligus membuka lebih peluang kepada kenaikan pangkat.

Samsudin berkata tidak ada perkara yang menghairankan jika terdapat kakitangan kerajaan yang menolak untuk memasuki SSM memandangkan setiap orang berhak membuat pilihan mereka.

"Saya berpuas hati, bila senyap maknanya tak ada masalah," katanya mengenai penerimaan semua kakitangan kerajaan terhadap SSM.

-- BERNAMA

AT AHH RON